



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/07/50 (HQ)

### TNB: PELARASAN ICPT PASTIKAN TARIF YANG TELUS DAN ADIL

- Pengurangan ICPT mencerminkan penjimatan pelepasan kos bahan api sebenar kepada pengguna

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyokong keputusan Kerajaan untuk melaraskan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) untuk tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2020. Ini memastikan pengguna mendapat manfaat daripada harga elektrik yang telus dan adil.

“Kami menyokong keputusan untuk meneruskan ICPT, iaitu satu mekanisme yang begitu bermanfaat kepada industri elektrik sejak 2014 dan ia kekal relevan dalam persekitaran harga bahan api yang tidak menentu,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

“Sebagai syarikat utiliti, TNB dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan beroperasi dalam persekitaran yang terkawal, termasuk oleh mekanisme ICPT. Seperti yang ditetapkan oleh keputusan ST menerusi ICPT, TNB akan memaparkan perubahan pada kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan dalam tarif elektrik pada setiap enam bulan,” jelas beliau.

ST hari ini mengumumkan pelanjutan ICPT untuk tempoh enam bulan yang berakhir 31 Disember 2020 dengan pengurangan ICPT daripada kadar surc妖 2.00 sen/kWh kepada 0.00 sen/kWh. Sebagai badan pengawalselia industri tenaga negara, ST menentukan pengiraan dan metodologi ICPT untuk tempoh setiap enam bulan, bergantung kepada kelulusan Kerajaan.

Mengulas berkenaan pengurangan ICPT, Amir berkata ia mencerminkan penurunan sebenar harga bahan api global untuk tempoh enam bulan lalu. Untuk tempoh Januari hingga Jun 2020, kos bahan api menurun sejajar dengan kejatuhan harga bahan api sebenar di bawah penanda aras harga bahan api yang ditetapkan dalam tarif asas untuk Tempoh Kawal Selia 2 (RP2) bermula 2018 hingga 2020.

Purata *Applicable Coal Price (ACP)* untuk Januari hingga Jun 2020 berada pada USD69.5/MT, berbanding harga penanda aras arang batu yang ditetapkan dalam tarif asas pada USD75/MT.

S.A. 2020/07/50 (HQ)

Sementara itu, harga gas<sup>[1]</sup> untuk tempoh sama ialah RM26.6/mmBTU iaitu lebih rendah berbanding harga penanda aras gas yang ditetapkan dalam tarif asas pada RM27.20/mmBTU.

“Perubahan harga bahan api tidak dipaparkan serta-merta dalam tarif kepada pengguna kerana terdapat perbezaan masa kira-kira sembilan bulan antara pergerakan harga bahan api dan tempoh sebenar pergerakan memberi kesan kepada sektor tenaga,” jelas Amir.

“Ini bermakna ketika harga bahan api rendah, pengguna hanya mendapat manfaat daripada pelepasan kos bahan api dengan mendapat tarif yang lebih rendah yang bermula 12 bulan kemudian. Sekiranya harga bahan api naik, ia akan hanya memberi kesan kepada pengguna kemudian, lantas memberi peluang untuk sistem untuk melakukan penyesuaian,” jelas beliau.

“Dalam kerangka industri yang dikawal selia, TNB sebagai syarikat utiliti utama terus komited untuk memastikan pelanggan kami mendapat bekalan elektrik yang stabil dan perkhidmatan pelanggan yang bertaraf dunia, serta kekal utuh dalam usaha menerangi kehidupan rakyat,” kata Amir.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Julai 2020, jam 3.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

---

<sup>[1]</sup> Sejak Januari 2020, harga gas ditetapkan berdasarkan Harga Pasaran Rujukan (RMP), menggantikan mekanisme penetapan harga dua-peringkat terdahulu yang merangkumi Harga Gas Terkawal dan Harga LNG.